

Pengguna perlu ada ilmu, bijak pilih topi keledar berkualiti

PENGUATKUASAAN pemakaian topi keledar telah diwajibkan di negara ini sejak tahun 1973.

Mengikut perkiraan, amalan pemakaian topi keledar dalam kalangan pengguna motosikal di negara ini sepatutnya sudah mencapai usia matang.

Matang dari segi cara pemakaian, penggunaan dan pemilihan topi keledar. Namun, peningkatan kematian saban tahun melibatkan pengguna motosikal menunjukkan kesedaran masyarakat masih rendah.

Pengerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros),

Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sikap sambil lewa penunggang terhadap penggunaan topi keledar merupakan perkara yang merunsingkan.

“Penunggang dan pembonceng di negara ini tahu bahawa topi keledar bertindak melindungi kepala jika berlaku kemalangan.

“Malangnya, mereka kurang faham mengenai kepentingan memilih topi keledar yang boleh menyelamatkan nyawa.

Antara kesalahan yang paling kerap dilakukan pengguna

motosikal ialah tidak mengikat tali topi keledar. Selain itu, mereka tidak menggunakan saiz topi keledar yang betul terutamanya kanak-kanak.

Justeru itu, beliau berpendapat, pendidikan berterusan adalah jalan yang tepat bagi mengurangkan kadar kematian di jalan raya.

Lam Thye turut memuji inisiatif Safe Kids UPM mendekati anak-anak dan ibu bapa di sekolah bagi menyampaikan ilmu keselamatan jalan raya.

“Mendidik kanak-kanak pada peringkat awal mengenai jenis



LAM THYE

topi keledar yang sepatutnya dibeli dan dipakai adalah tindakan yang tepat,” ujarnya ketika ditemui di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM baru-baru ini.

Pemberian topi keledar secara percuma juga katanya, secara tidak langsung mendidik orang ramai tentang kepentingan topi keledar.

Katanya, orang ramai dapat menilai perlindungan topi keledar yang mengikut piawaian bagi mengelak pengguna membeli topi keledar yang tidak sesuai. Apabila pengguna bijak memilih, topi keledar tidak berkualiti yang ada di pasaran akan terhapus.